



**TRANSKRIP UCAPAN  
YAB PERDANA MENTERI  
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA  
JPM  
BAGI BULAN APRIL 2019**

**TARIKH : 2 APRIL 2019 (SELASA)**

**MASA : 8.30 PAGI**

**TEMPAT : DATARAN PERDANA  
BANGUNAN PERDANA PUTRA  
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, YBhg. Ketua Setiausaha Negara, Ketua-Ketua Jabatan dan seterusnya tuan-tuan, puan-puan hadirin sekalian. Assalammualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

Hari ini kita menyanyikan lagu baharu dan lagu ini memberi penuh makna yang mendesak agar kita dapat menumpukan kepada pembangunan negara kita supaya kita akan terus merdeka dan tentulah akan terpengaruh sedikit sebanyak dengan lagu ini. Kita juga membaca doa dan doa itu meminta daripada Tuhan supaya diberi kepada kita segala nikmat yang berpanjangan. Tetapi, kita harus ingat di dalam Al-Quran telah disebut bahawa kita boleh memohon daripada Allah S.W.T, tetapi jika kita tidak berusaha, maka kita tidak akan dapat kejayaan yang dipohon. Ini perlu kita ingat kerana isi kandungan doa kita ini bukan semata-mata meminta daripada Allah S.W.T, tetapi Allah S.W.T menyuruh kita untuk berusaha ke arah membangunkan sebuah negara yang dihormati di dunia. Kita akan berasa malu jika negara ini dihina oleh dunia dan diberi nama-nama yang tidak baik.

Tetapi, kita tentu akan berasa bangga apabila negara kita disebut oleh orang asing sebagai sebuah negara contoh, model dan negara yang baru sahaja bebas daripada cengkaman penjajah. Sebab itu, apabila kita bernaung dan berdoa sebentar tadi, kita harus memberi sepenuh perhatian kepada isi kandungan terhadap nyanyian dan doa itu dan kita berusaha ke arah mencapai permintaan-permintaan daripada Allah S.W.T.

Apa sahaja tanggungjawab yang diberikan, kita perlu lakukan dengan sebaik mungkin supaya kita akan mencapai kejayaan yang dijanjikan kepada kita akan diberi oleh Allah S.W.T.

Saya bukan berniat untuk memberi syarahan agama dan saya sedar yang saya ini tidak layak. Tetapi, inilah isi kandungan yang terdapat di dalam Al-Quran dan saya membaca Al-Quran di dalam bahasa yang saya faham. Kita baca dalam bahasa yang kita faham, maka kita akan mendapat panduan daripada Al-Quran ini dan sudah tentu jika kita berpandukan kepada Al-Quran, kita akan menjadi bangsa yang berjaya. Kenapa kita hendak menjadi bangsa yang berjaya? Kerana kita tidak suka dihina oleh orang. Itu salah satu sebabnya. Kita bukan hendak menepuk dada dengan menyatakan yang kita ini berjaya, tetapi niat kita adalah supaya orang menghormati kita sebagai sebuah negara yang berjaya.

Kejayaan ini hanya akan dapat dicapai jika kita mematuhi kepada isi kandungan doa kita. Menerusi berusaha halah, kita dapat mencapai segala yang diminta daripada Allah S.W.T kerana Allah S.W.T telah berjanji bahawa hanya kita berusaha sahaja maka permintaan kita itu akan ditunaikan.

Untuk menjayakan permintaan kita ini, bukan sahaja perlu berusaha tetapi berusaha lebih lagi dengan baik dan bukan hanya untuk mencapai kepuasan diri sendiri tetapi juga untuk kaum keluarga, bangsa dan negara.

Saya yakin kita boleh kerana kita sudah melihat apabila kita mentadbir negara kita ini dengan baik, ia mampu berjaya. Sudah tentu jika kita tidak berjaya, kita tidak akan berada di sini pada hari ini dan menikmati pembangunan yang ada pada hari ini.

Ini perlu diingat sepanjang masa bahawa kita berada dalam kerajaan sebagai satu jentera yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir negara dengan baik. Untuk ini, kita perlu diberi kuasa. Anggota kerajaan mempunyai sedikit sebanyak kuasa walaupun setakat menjadi budak pejabat. Mereka pun berkuasa juga. Contohnya, saya ingat pada masa zaman British dahulu, terdapat seorang majistret yang mempunyai kuasa tetapi budak pejabat beliau juga mempunyai kuasa di mana budak pejabat ini boleh menentukan sama ada orang lain boleh berjumpa majistret atau tidak. Jadinya, semua orang berkuasa. Walaupun kuasa itu kecil, tetapi kuasa ini janganlah disalah guna. Bukan sahaja rasuah dan lain-lain, seperti Tan Sri Abu Kassim yang selalu memperdengarkan kepada kita iaitu ketika menjalankan tugas, kita perlu melaksanakannya dengan sebaik mungkin.

Kita yang ada di dalam kerajaan ini diberi ilmu dan dihantar sehingga ke universiti dengan tujuan untuk memberi kecekapan kita dalam menjalankan tugas. Jika kita menyalahguna kuasa ini, kita tentulah mengkhianati bantuan yang diberikan kepada kita.

Inilah yang perlu kita ingat bahawa terdapat bangsa yang berjaya dan yang gagal. Jika kita perhatikan, kita akan dapati bangsa yang berjaya itu mempunyai sifat-sifat tertentu dan bangsa yang gagal mempunyai sifat-sifat yang berlainan. Antaranya

ialah bekerja dengan cukup rajin, ikhlas dan amanah. Jika itu adalah pegangan dan amalan kita, kita akan berjaya. Sebaliknya, apabila kita diberi tanggungjawab tetapi kita mengabaikannya dengan tidak bekerja bersungguh-sungguh dan terlibat dengan rasuah dan sebagainya, maka negara kita tidak mungkin akan berjaya.

Kita perlu menjalankan tugas sepenuhnya dengan rajin, beramanah, berdisiplin dan bertanggungjawab. Jika kita mempunya empat nilai hidup ini sahaja pun, kita dan negara kita akan berjaya. Dunia akan menghormati negara dan bangsa kita.

Saya berharap perjumpaan bulanan ini dapat digunakan untuk memperingati diri kita akan tanggungjawab kita kepada negara kerana kita diberi amanat untuk menjayakan negara kita. Teguran seperti ini adalah untuk kita ingat agar negara kita akan dihormati oleh dunia kerana kebolehan dan kejayaan kita.

Sekian, terima kasih.